



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**MAJLIS BERTADARUS DAN SEMBAHYANG FARDHU ASAR BERJEMAAH
BAGI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN
DI DALAMNYA SEMPENA BULAN RAMADHAN TAHUN 1445H/2024M**

Hari Khamis, 10 Ramadhan 1445H / 21 Mac 2024M

Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Bertadarus sempena bulan Ramadhan 1445 Hijrah bersamaan 2024 Masihi bertempat di Masjid Pengiran Muda Abdul Malek, Kampung Tungku, Gadong.

Hadir selaku Tetamu Kehormat di Majlis Tadarus ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdulah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Turut hadir ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya.

Majlis Bertadarus dimulakan dengan penyerahan sumbangan wakaf kepada Imam Masjid, Masjid Pengiran Muda Abdul Malek, Kampung Tungku dan disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an secara berkumpulan dan diakhiri dengan Sembahyang Fardhu Asar Berjemaah.

Seterusnya, Majlis Khatam Al-Qur'an akan diadakan di Surau, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada hari Isnin, 14 Ramadhan 1445H bersamaan 25 Mac 2024M.

Majlis seumpama ini adalah merupakan aktiviti keagamaan tahunan dalam meningkatkan hubungan silaturahim di antara pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya dalam menyemarakkan bulan Ramadhan disamping mendekatkan diri dengan bacaan Al-Qur'an dengan memperbaiki dan menghalusi lagi bacaan Al-Qur'an.

Pada tahun ini majlis telah diselenggarakan oleh Tabung Amanah Pekerja.

#####

Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 10 Ramadhan 1445H
25 Mac 2024M
Rujukan: KKW/ADM/17